

ORIGINAL ARTICLE

**KESAN PENGGUNAAN STRATEGI MEMBACA TERHADAP PENCAPAIAN PEMAHAMAN BACAAN****THE EFFECT OF READING STRATEGY ON COMPREHENSION ACHIEVEMENT IN CHINESE LANGUAGE**

Looi Lay Hoon¹
Norfaneliza Mohd Embros²

¹ Guru, Fakulti Bahasa dan Komunilasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Teacher, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: lh_looi@hotmail.com

² Guru, Fakulti Bahasa dan Komunilasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Teacher, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: liza_mbroos@hotmail.co.uk

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/71>

Abstrak

Kemahiran membaca memainkan peranan yang penting dalam penguasaan bahasa. Terdapat banyak strategi membaca untuk melaksanakan pembacaan yang berkesan tetapi strategi membaca jarang ditekankan dan jarang diintegrasikan dalam proses pembelajaran kemahiran membaca, khususnya dalam pembelajaran bahasa Cina. Artikel ini bertujuan untuk melaporkan hasil kajian kesan penggunaan strategi membaca dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian murid – murid di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Strategi membaca iaitu membuat inferens, merupakan fokus kajian ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen kuasi, dengan pengumpulan data melalui ujian-pra dan ujian pasca untuk mengenalpasti kesan strategi inferens terhadap pencapaian bacaan pemahaman pelajar. Analisis diskriptif digunakan. Sampel kajian ini terdiri seramai 70 orang murid darjah 5 yang terdiri daripada tiga kumpulan mengikut prestasi pra-ujian mengikut tiga tahap iaitu Kategori A (80 – 100), Kategori B (40-79) dan Kategori C (0-39). Dapatan analisis menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam jumlah murid yang mendapat skor katogeri A bagi kumpulan rawatan, iaitu dari 9 orang ke 15 orang (60%). Manakala bagi kumpulan kawalan, dapatan menunjukkan bahawa prestasi murid menurun, bilangan murid dalam Kategori C telah meningkat, iaitu dari 4 orang ke 8 orang. Maka dapat dirumuskan bahawa penggunaan strategi membaca dapat memberi kesan positif terhadap pemahaman bacaan dalam bahasa Cina. Dapatan kajian memberi implikasi kepada penekanan strategi membaca dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca. Guru-guru bahasa seharusnya menyedari kepentingan pendedahan dan penerapan strategi membaca dalam pemupukan kemahiran membaca dalam kalangan murid.

Katakunci: strategi membaca, eksperimen kuasi, pemahaman bacaan, inferens

Abstract

Reading skills play an important role in language learning. There are many reading strategies for effective reading. Yet, not many language teachers emphasized or integrated learning strategies into the learning process of reading skills, especially in Chinese language learning. This article aims to report the impact of reading strategies in teaching and learning on the achievement of Primary 5 students in Chinese national primary schools. The reading strategy of making inferences is the focus of this study. This study adopts a quasi-experimental design, with data collection through pre-test and post-test to identify the impact of reading strategy on student achievement. A descriptive analysis was used. The sample of this study consisted of 70 5th graders consisting of three groups based on three pre-test performance namely Category A (80 - 100), Category B (40-79) and Category C (0-39). The result showed that there was an increase in the number of pupils who received the Category A's score for the treatment group, which increased from 9 students to 15 students (60%). On the contrary, for the control group, the findings show that pupil performance decreased, with the number of pupils in C category increased, from 4 students to 8 students. It can be concluded that the use of reading strategies can have a positive impact on reading comprehension in Chinese language. The findings implicated that the emphasis should be given to the learning of reading strategies in the teaching and learning reading skills. Language teachers should be aware of the importance of the reading strategies in developing reading skills among students. The learning and application of reading strategies should be giving more emphasis in mastering reading among students in language learning.

Keywords: reading strategies, quasi experiment, reading comprehension, inference

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 4th January 2020, revised 20th January 2020, accepted 2nd February 2020

Pengenalan

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, 44% murid berumur 15 tahun yang menyertai PISA 2009 gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Bacaan. Dalam Bacaan, Malaysia mendapat kedudukan ke-55 pada tahun 2009. Pada tahun 2012, kedudukan Malaysia ialah ke-59. Ini jelas menunjukkan Tahap Profisiensi Bacaan murid -murid tidak memuaskan.

Kedudukan kompetensi membaca murid-murid Hong Kong berada di tempat kedua di dunia menandakan kejayaan program pembaharuan pendidikan Hong Kong. Fokus program pembaharuan pendidikan Hong Kong ialah meningkat keupayaan membaca dan penguasaan bahasa murid-murid. Guru memberi bimbingan kepada murid-murid belajar membaca (*learn to read*) dan membaca untuk belajar (*read to learn*). Ini membolehkan murid-murid menggunakan pelbagai strategi dalam proses membaca dan memupuk tabiat pembelajaran sendiri. Selain itu, kedudukan Chinese Taipei dalam *International Reading Literacy Study* (PIRLS), di mana PIRLS merupakan penilaian antarabangsa yang mengukur pembelajaran dalam bacaan murid, jelas membuktikan kejayaan penggunaan strategi membaca. Kementerian Pendidikan Chinese Taipei

telah berusaha membantu guru-guru untuk menguasai strategi membaca. Pihak yang terlibat secara aktif dalam menjayakan projek ini termasuk profesor, guru –guru dari sekolah menengah dan sekolah rendah. Mereka bersama-sama mengkaji strategi membaca yang bersesuaian dengan tempatan. Akhirnya, di bawah pimpinan Ke Hua Wei, dari Falkuti Pembelajaran dan Pengajaran, Universiti Kebangsaan Negara, buku panduan khas tentang strategi membaca telah diterbitkan. Ini merupakan hasil daripada pencerapan yang telah dijalankan antara guru dari Chinese Taiwan dan Shanghai serta interaksi antara wakil Hong Kong dan Chinese Taipei. Laporan Panel Membaca Negara dari Amerika Syarikat (*National Reading Panel, NRP*) pada tahun 2000 turut mencadangkan beberapa jenis strategi membaca perlu dijalankan serentak dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca. NRP mencadangkan beberapa jenis strategi membaca dijalankan serentak dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya keadaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca di Malaysia kurang menitikberatkan penggunaan strategi dalam proses membaca.

Skop Kajian

Yahya Othman & Roselan Baki (2008)¹ menyatakan bahawa masalah murid lemah dalam bacaan dan tidak memahami kandungan yang dibaca merupakan isu yang boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Murid-murid tidak suka kelas bahasa, mereka berasa bosan manakala guru-guru berasa pengajaran bahasa agak susah, terutamanya pengajaran kemahiran membaca. Setakat ini, kebanyakan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah, terlalu menitikberatkan *spoon feed*. Murid-murid belajar secara pasif dengan menerima apa sahaja yang diajar oleh guru, lalu menghafal dan membuat latihan secara mekanikal.

Murid-murid gagal membuat taakulan terhadap makna sesuatu perkataan berdasarkan konteks petikan dan makna keseluruhan ayat yang terkandung dalam sesuatu perenggan. Kemampuan mendekod murid-murid lemah, iaitu tidak dapat mentafsirkan mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Murid-murid berasa sukar untuk memahami teks kerana istilah yang sukar difahami, bahasa yang sukar, fokus luas dan teks yang mengelirukan. Oleh itu, murid-murid kurang berupaya untuk membuat inferens berdasarkan penulisan jurnal yang dibaca. Mereka banyak menuliskan pemahaman terhadap teks tersurat tetapi tidak menganalisis atau menilai kaandungan dengan lebih mendalam. Hal ini menunjukkan kesukaran memahami teks merupakan halangan ke arah pemahaman membaca (Yahya Othman, 2008)². Kajian Carreoll (2000)³ menunjukkan strategi yang sesuai digunakan dalam pengajaran membaca membantu mengatasi kesukaran dalam pemahaman membaca.

Kebanyakan murid tidak dapat menggunakan strategi membaca tanpa ajaran guru (Dymoch, 2005)⁴. Maka, strategi pembelajaran murid-murid berkait rapat dengan strategi pengajaran guru. Namun, Hamman, Berthelot, Saia & Crowley (2000)⁵ mendapati kebanyakan pengajaran guru jarang menggunakan strategi apabila guru-guru dicerap. Van den Broek & Kremer (2000)⁶ turut bersetuju dengan hasil penyelidikan Hamman dan rakan-rakannya. Pemahaman membaca bukan sahaja bergantung pada intergrasi penguasaan perbendaharaan kata yang luas, pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada serta keupayaan membaca teks, ia juga bergantung pada penggunaan strategi membaca.

Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengkaji keberkesanan strategi membuat inferens dalam pemahaman membaca teks naratif yang digunakan semasa mengajar membaca di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Berdasarkan objektif yang telah disenaraikan, penyelidikan ini diharap dapat menjawab soalan – soalan yang berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman bacaan antara murid – murid yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi membuat inferens dengan murid – murid yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pra?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman bacaan antara murid – murid yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi membuat inferens dengan murid – murid yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pasca?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembelajaran pemahaman bacaan menggunakan strategi membuat inferens dalam ujian pra dan ujian pasca?

Menurut penyelidikan Aghaie & Zhang (2012)⁷ penggunaan strategi menjadi satu panduan untuk memimpin pembaca menggunakan kaedah yang betul untuk membaca. Maka, pengajaran pemahaman membaca memerlukan strategi agar kemahiran membaca dikuasai oleh murid – murid. Di China, penggubalan kurikulum dalam Polisi Pendidikan China diadakan setiap 10 tahun. Pada tahun 2011, Polisi Pendidikan China mula mementingkan strategi membaca. Ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian yang dikumpul di CNKI. Laporan Naional Reading Panel, NRP pada tahun 2000, telah menganalisis 16 jenis strategi membaca. Salah satu jenis strategi membaca ialah strategi membuat inferens.

Schelling, Aarnoutse, & Leeuwe (2006)⁸ Long, Oppy, & Seely (1994)⁹ telah membuktikan bahawa kebolehpayaan membaca atau pembaca yang mempunyai teknik membaca yang berlainan, akan menggunakan strategi membaca yang berbeza dan seterusnya mempengaruhi prestasi pemahamannya. Kajian Yahya Othman (2008)² menunjukkan kelemahan menggunakan teknik membaca yang sesuai merupakan kesukaran yang dihadapi oleh pembaca untuk memahami teks akademik. Idris Mohd Radzi (2009)¹⁰ telah mengkaji tentang Penggunaan Strategi Membaca Teks Akademik Dalam Kalangan Pelajar Peringkat Tertiary. Kajian ini mendapati bahawa responden masih tidak dapat menguasai strategi membaca yang seharusnya diamalkan pelajar berprestasi akademik tinggi. Kajian Idris Mohd Radzi menunjukkan bahawa hampir 50% strategi membaca yang digunakan oleh murid-murid merupakan strategi kognitif aras rendah. Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa murid-murid yang berprestasi akademik tinggi tidak dapat menguasai strategi membaca. Pressley et al. (1989)¹¹ menyatakan pengajaran pemahaman teks memerlukan strategi untuk mencapai objektif atau tujuan membaca. Dalam proses membaca, murid-murid boleh menggunakan dan mengubahsuaikan strategi membaca secara fleksibel supaya bersesuaian dengan bahan yang dibaca. Oleh itu, Gagne (1985)¹² dan Torgesen (1982)¹³ berpendapat bahawa strategi yang bersistematik dan teratur berorientasikan matlamat dalam proses membaca.

Graesser (2007)¹⁴ dan Pressley et al. (1989)¹¹ berpendapat strategi membaca berperanan sebagai proses kawalan untuk meningkatkan pemahaman bacaan, apabila pembaca berupaya merancang atau mereka bentuk, menilai dan menyesuaikan teknik membaca semasa menjalankan aktiviti membaca.

Aktiviti bacaan yang berorientasikan strategi membuat inferens membantu dan membimbing murid- murid membaca teks naratif secara eksplisit atau menggunakan kata kunci yang terdapat dalam teks untuk membuat telahan. Akhirnya, murid-murid berupaya memurnikan strategi membaca dan menjadi seorang pembaca yang beraras tinggi. Seperti yang dikemukakan oleh Alexander, Murphy, Woods, Dahon, & Parker (1997)¹⁵ serta Gagne (1985)¹² bahawa kebolehan pembaca memurnikan strategi membaca secara sistematik semasa membaca, dapat memantaukan diri tentang tahap pemahaman teks yang dibaca, seterusnya mengubahsuaikan kaedah membaca. Ini dapat meningkatkan pemahaman teks lalu mencapai objektif membaca. Parris (2009)¹⁶ menyatakan bahawa hasil kajian Jurnal pendidikan psikologi Amerika Syarikat (2009) yang bertajuk *Instructional Approaches That Significantly Increase Reading Comprehension* menunjukkan masa yang banyak untuk membaca adalah tidak mencukupi, tetapi perlu adanya strategi membaca untuk meningkatkan pemahaman bacaan. Kajian Spiro (1997)¹⁷ menunjukkan pembaca menggunakan strategi berasaskan kognitif dan metakognitif ketika membaca, mampu memberikan kesan terhadap pemahamannya. Penguasaan pemahaman dengan menggunakan strategi membaca yang sesuai terbukti dapat membantu pembaca memahami teks. (Paris,1987)¹⁸

Kementerian Pendidikan Taiwan telah menghasilkan Buku Panduan Strategi Membaca (2010)¹⁹. Buku panduan ini dihasilkan atas usaha pasukan penyelidikan yang diketuai oleh Xin Man Ling, Ke Hua Wei, Lu Yi Cong & Gu Yu Min. Strategi membaca dalam buku panduan telah diubahsuai berdasarkan eksperimen-eksperimen yang telah dijalankan di sekolah rendah serta pendapat para pendidik dari Taiwan. Kajian ini mula dilaksanakan pada 1997. Hasil penyelidikan daripada pasukan ini telah diterap ke dalam pengajaran dan pembelajaran, bergabung dengan buku teks yang digunakan di sekolah Taiwan. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pendidik tentang pelaksanaan strategi membaca secara langkah demi langkah. Strategi membaca yang telah digunakan dalam buku panduan ini termasuk strategi membuat inferens.

Kini, pengajaran pemahaman membaca memainkan peranan sebagai alatan dan kemanusiaan. Dalam konteks ini, murid-murid bukan sahaja berupaya membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul, tetapi juga perlu berupaya memahami dan menaakul pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik -teknik membaca. Teknik-teknik membaca perlu diajar melalui strategi membaca seperti yang dinyatakan dalam Polisi Pendidikan Negara China (2011).

Dalam penyelidikan ini, strategi membaca yang digunakan ialah strategi membuat inferens. Penggunaan strategi ini melibatkan domain kognitif, metakognitif dan afektif. Strategi ini memerlukan murid-murid berfikir dan melampaui kandungan yang terdapat dalam teks. Strategi ini diterapkan dalam teknik membaca semasa menjalankan aktiviti membaca. Menurut Mahzan Arshad (2003)²⁰, teknik dalam konteks bilik darjah merujuk aktiviti yang sebenarnya berlaku dalam sesuatu pengajaran yang sedang dilakukan oleh guru. Aktiviti tersebut dianggap sebagai strategi atau ikhtiar yang digunakan oleh guru di dalam bilik darjahnya bagi mencapai objektif pengajaran.

Murid-murid dilatih menggunakan teknik ini untuk mengesan pelbagai keterangan yang terdapat dalam teks naratif yang dibacanya secara eksplisit atau menerusi kata kunci yang terdapat dalam teks bagi membuat telahan terhadap pelbagai peristiwa penting dalam teks, hubungan sebab-akibat, tabiat dan perlakuan watak dalam teks, perkara yang mungkin akan berlaku dalam cerita, penggunaan bahasa yang berfiguratif dalam bahan sastera serta untuk menyokong maklumat

terperinci yang terkandung dalam teks. Penyelidikan ini menggunakan teknik menyoal, iaitu 5W1H bagi membantu meningkatkan tahap pemahaman teks murid-murid. Teknik menyoal ini lebih bersesuaian dengan murid-murid sekolah rendah.

Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan kaedah eksperimen kuasi. Kaedah eksperimen dalam penyelidikan ini menggunakan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca untuk kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Reka bentuk penyelidikan ini dipaparkan seperti dalam Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca yang digunakan dalam eksperimen kuasi. “A” mewakili kumpulan rawatan manakala “B” mewakili kumpulan kawalan; “O” merupakan rawatan yang diberi dan pemerhatian; “P” menunjukkan hasil pembelajaran.

Jadual 1

Reka Bentuk Pra Ujian Dan Pasca Ujian Dengan Penggunaan Eksperimen Kuasi

Jenis Penyelidikan	Kumpulan	Ujian Pra	Rawatan / Pemerhatian	Ujian Pasca
Eksperimen Kuasi	Kumpulan A	P_1	O_1	P_2
	Kumpulan B	P_3	O_2	P_4

Kumpulan rawatan menggunakan strategi membuat inferens. Murid-murid perlu menghubungkan klu yang terdapat dalam teks untuk memahami bahan bacaan, mengaitkan pertalian sebab dan akibat, membaca secara kontekstual untuk memahami isi tersirat dalam konteks. Di peringkat selepas membaca, murid-murid akan menjalankan aktiviti secara berkumpulan. Aktiviti ini dijalankan atas bimbingan guru. Guru akan mengemukakan soalan-soalan. Murid-murid perlu menggunakan strategi membuat inferens untuk menjawab soalan. Ujian pasca selang (*interval post-test*) diadakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Murid -murid Tahun 5 dipilih sebagai sampel. Data tentang enrolmen murid Tahun 5 telah dianalisis. Pemilihan responden penyelidikan dilakukan secara tidak rawak.

Jadual 2

Enrolmen Murid Tahun 5

Kelas	Enrolmen	Jantina		Bangsa		
		Lelaki	Perempuan	Cina	Melayu	India
5B	33	18	15	33	-	-
5K	37	19	18	37	-	-
Jumlah	70	37	33	70		

Instrumen penyelidikan ini meliputi persediaan mengajar, set ujian pemahaman dan soal kaji selidik. Terdapat dua set persediaan mengajar yang digunakan untuk melaksanakan setiap

pengajaran bacaan dan kefahaman dalam kajian ini. Set persediaan mengajar pertama dirancang untuk mengajar kumpulan rawatan yang menggunakan strategi membuat inferens semasa pengajaran dan pembelajaran membaca dan memahami teks bacaan. Manakala set persediaan mengajar yang kedua pula untuk mengajar kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah pengajaran konvensional. Set ujian pemahaman merupakan ujian yang dibina oleh pengkaji untuk diberikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Format ujian pemahaman adalah secara objektif. Set ujian ini diberikan kepada murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan semasa ujian pra dan ujian pasca. Murid-murid dari kedua-dua kumpulan perlu membaca teks terlebih dahulu sebelum menjawab lima soalan yang tersedia. Setiap soalan terdapat empat pilihan, murid-murid perlu memilih jawapan yang betul dan tepat.

Dapatan Kajian

Data-data kuantitatif yang diperolehi daripada ujian pemahaman dan set soal selidik dikumpul dan dianalisis menggunakan *The Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 23. Analisis ANOVA Sehalu digunakan untuk menghuraikan data. Data dihuraikan dengan membuat perbandingan antara min prestasi dan menentukan kesan penggunaan strategi membuat inferens terhadap pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan. Murid-murid dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dibahagikan kepada tiga kategori berdasarkan markah ujian dalam sekolah masing-masing, iaitu Kategori A (80 – 100), Kategori B (40-79) dan Kategori C (0-39). Aras signifikan untuk kesemua ujian ini ialah $\alpha = 0.05$.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan ujian ANOVA (*Between groups one-way ANOVA*) bagi membandingkan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penguasaan pemahaman bacaan antara responden yang mengikuti pengajaran bacaan menggunakan strategi membuat inferens dengan responden yang mengikuti bacaan menggunakan pendekatan konvensional dalam ujian pra mengikut kategori. Dapatan kajian adalah seperti yang berikut.

Keputusan Dan Perbincangan

Jadual 3

Prestasi Murid Dalam Ujian Pra Mengikut Kategori Untuk Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Kategori Berdasarkan Prestasi Murid	Kumpulan Kawalan			Kumpulan Rawatan		
	N	Skor min	SD	n	Skor min	SD
Kategori A	4	90.00	11.55	9	80.00	.000
Kategori B	25	57.20	10.21	24	55.42	11.03
Kategori C	4	22.50	9.57	4	22.50	5.000
Jumlah	33	56.97	19.60	37	57.84	18.58

Berdasarkan Jadual 3, dalam kumpulan kawalan, didapati min prestasi pemahaman bacaan yang diperoleh oleh Kategori A ialah 90.00 dan sisihan piawai 11.55 manakala dalam kumpulan rawatan, Kategori A memperoleh min prestasi pemahaman bacaan 80.00 dan sisihan piawai .000. Perbezaan min Kategori A antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 10.00. Dalam kumpulan kawalan, min prestasi pemahaman bacaan Kategori B ialah 57.20 dan sisihan piawai 10.21 manakala dalam kumpulan rawatan, Kategori B memperoleh min prestasi pemahaman bacaan 55.42 dan sisihan piawai 11.03. Perbezaan min Kategori B antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 1.78. Dalam kumpulan kawalan, min prestasi pemahaman bacaan Kategori C ialah 22.50 dan sisihan piawai 9.574 manakala dalam kumpulan rawatan, Kategori C memperoleh min prestasi pemahaman bacaan 22.50 dan sisihan piawai 5.000. Tiada perbezaan min Kategori C antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra. Analisis ini menunjukkan tahap penguasaan pemahaman bacaan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ketiga-tiga kategori adalah sama sebelum sesi rawatan dijalankan.

Setelah lapan sesi pengajaran (rawatan) dijalankan. Prestasi pemahaman bacaan responden telah diukur menggunakan ujian pasca. Jadual 4 dan Jadual 5 menunjukkan dapatan ujian selang pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Jadual 4

Perbandingan Prestasi Murid Dalam Ujian Selang Pasca 1 Mengikut Kategori Untuk Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

	Kumpulan Kawalan				Kumpulan Rawatan			
	N	Mean	SD	Std. Error	N	Mean	SD	Std. Error
Kategori A	10	84.00	6.992	2.211	10	88.00	7.888	2.494
Kategori B	18	59.44	10.556	2.488	25	57.20	9.798	1.940
Kategori C	5	24.00	5.477	2.449	2	30.00	.000	.000
Jumlah	33	61.51	21.378	3.721	37	64.054	18.327	3.013

Jadual 4 menunjukkan terdapat perbezaan skor min dalam setiap kategori untuk kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dalam kumpulan kawalan, skor min untuk Kategori A, Kategori B dan Kategori C ialah 84.00 (SD=6.992), 59.44 (SD=10.556) dan 24.00 (SD=5.477) masing-masing. Dalam kumpulan rawatan, skor min untuk Kategori A, Kategori B dan Kategori C ialah 88.00 (SD=7.888), 57.20 (SD=9.798) dan 30.00 (SD=.000) masing-masing.

Jadual 5

Perbandingan Prestasi Murid Dalam Ujian Selang Pasca 2 Mengikut Kategori Untuk Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

	Kumpulan Kawalan				Kumpulan Rawatan			
	N	Mean	SD	Std. Error	N	Mean	SD	Std. Error
Kategori A	4	82.50	5.000	2.500	15	87.33	7.988	2.063
Kategori B	26	53.46	10.175	1.996	18	58.89	10.786	2.542
Kategori C	3	26.67	5.774	3.333	4	30.00	.000	.000
Jumlah	33	54.55	16.026	2.790	37	67.303	20.903	3.436

Jadual 5 menunjukkan terdapat perbezaan skor min dalam setiap kategori untuk kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dalam kumpulan kawalan, skor min untuk Kategori A, Kategori B dan Kategori C ialah 82.50 (SD=5.000), 53.46 (SD=10.175) dan 26.67 (SD=5.774) masing-masing. Dalam kumpulan rawatan, skor min untuk Kategori A, Kategori B dan Kategori C ialah 87.33 (SD=7.988), 58.89 (SD=10.786) dan 30.00 (SD=.000) masing-masing.

Jadual 4 dan Jadual 5 jelas menunjukkan penggunaan strategi membuat inferens berkesan untuk meningkatkan tahap pemahaman bacaan murid-murid secara beransur-ansur.

Jadual 6

Prestasi Murid Dalam Ujian Pasca Mengikut Kategori Untuk Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Kategori Berdasarkan Prestasi Murid	Kumpulan Kawalan			Kumpulan Rawatan		
	n	Skor min	SD	n	Skor min	SD
A (80-100)	-	-	-	11	84.55	8.202
B (40-79)	25	52.00	14.72	21	52.38	10.911
C (0-39)	8	26.25	5.18	5	32.00	10.954
Jumlah	33	45.76	17.15	37	59.19	20.599

Berdasarkan Jadual 4, dalam kumpulan kawalan, didapati tiada seorang murid dalam Kategori A manakala 11 orang dari kumpulan rawatan mendapat markah 80-100 (M=84.55, SD=8.202). Dalam Kategori B, prestasi pemahaman bacaan murid-murid kumpulan rawatan (M=52.38, SD=10.911) lebih baik daripada kumpulan kawalan (M=52.00, SD=14.72). Perbezaan skor min ialah 0.38. Dalam Kategori C, prestasi pemahaman bacaan murid – murid kumpulan rawatan (M=32.00, SD=10.954) lebih baik daripada kumpulan kawalan (M=26.25, SD=5.18). Perbezaan skor min adalah sebanyak 5.75.

Hasil analisis ini menunjukkan bahawa prestasi pemahaman bacaan murid-murid yang didedahkan dengan pengajaran bacaan menggunakan strategi membuat inferens lebih tinggi berbanding dengan sampel kumpulan kawalan yang menggunakan pengajaran pendekatan konvensional. Pengajaran bacaan menggunakan strategi membuat inferens dapat meningkatkan prestasi pemahaman bacaan murid sederhana berbanding pengajaran bacaan secara konvensional. Murid-murid sederhana dan lemah dapat menggunakan strategi membuat inferens untuk memahami teks yang dibaca.

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga kategori, ujian ANOVA sehalu digunakan. Jadual 5 menunjukkan dapatan kajian.

Jadual 7

Analisi ANOVA Sehalu Bagi Pembelajaran Pemahaman Bacaan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1442.256	2	721.128	3.298	.049
Within Groups	7433.420	34	218.630		
Total	8875.676	36			

Jadual 5 menunjukkan bahawa nilai $F(2, 34; p=0.049) = 3.298$. Oleh sebab itu, $p < 0.05$, maka rawatan pengajaran bacaan dan pemahaman menggunakan strategi membuat inferens memberikan kesan yang positif terhadap pemahaman responden dalam kumpulan rawatan. Kesan saiz ialah 0.1625.

Sementara itu, murid-murid kumpulan kawalan yang didedahkan dengan pembelajaran membaca secara konvensional menunjukkan prestasi pemahaman bacaan yang jauh lebih rendah berbanding kumpulan rawatan yang didedahkan dan diberikan kemahiran menggunakan strategi membuat inferens dalam pembelajaran bacaan dan pemahaman. Tanpa pendedahan terhadap strategi ini, kumpulan kawalan tidak menunjukkan peningkatan yang baik dari segi pencapaian mereka terhadap teks yang dibaca. Strategi ini bertujuan melatih murid-murid membaca secara mendalam dan berfokus. Membaca teks terutamanya teks akademik memerlukan penelitian yang mendalam bagi menjawab persoalan yang akan ditimbulkan melalui tugas yang diberikan (Taraban et al, 2000a)²¹. Menurut Taraban (2000b)²², membaca teks akademik perlu menetapkan strategi khusus untuk membantu penguasaan kandungan. Ini boleh mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid. Strategi membuat inferens dalam konteks penyelidikan ini meliputi aspek kognitif, afektif dan metakognitif, murid-murid belajar menghubungkan klu yang terdapat dalam teks untuk memahami bahan bacaan, menggunakan pertalian sebab dan akibat serta membaca secara kontekstual.

Safiah Osman(1990: 13)²³ menyatakan bahawa kebolehan membuat inferens merupakan keupayaan pembaca mengintegrasikan idea-idea yang sedia ada dengan idea yang terkandung dalam teks. Ini memerlukan pembaca menghuraikan sendiri tentang apa yang dibaca dan difahami. Spiro(1997)¹⁷ menjelaskan dalam proses membuat inferens, seseorang murid berupaya menggunakan pengetahuan yang sedia ada tentang bahasa, struktur teks, interaksi sosial serta pertalian antara sebab dan kesan.

Kesimpulan

Pemahaman membaca memerlukan strategi yang sesuai untuk mendapatkan kesan yang optimum. Penguasaan pemahaman dengan menggunakan strategi membaca yang sesuai terbukti dapat membantu murid-murid memahami teks yang dibaca (Paris, 1987)¹⁸. Hal ini demikian kerana murid-murid akan dapat memahami kandungan teks dengan lebih jelas di samping melakukan aktiviti pengukuhan.

Strategi membaca diperlukan supaya keberkesanan pembelajaran dapat dipertingkatkan. Dengan ini, kemahiran membaca barulah dapat dipupukkan. Seseorang yang tiada kemahiran membaca, dia tidak dapat menggunakan perisian maklumat untuk membaca bahan bacaan atas talian dengan berkesan. Maka, murid ini akan diketepikan dalam perkembangan semasa dalam arus globalisasi yang dinamik.

Dapatan penyelidikan menunjukkan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan strategi membaca secara sistematik, bukan sahaja boleh meningkatkan kebolehan pemahaman bacaan, malahan dapat membantu murid-murid membuat pemantauan diri, memupuk minat membaca serta menguasai cara membaca yang betul.

Implikasi penyelidikan ini terhadap guru ketara apabila menjalankan pengajaran dan pembelajaran pemahaman membaca. Guru perlu diberikan pendedahan strategi membaca yang lebih spesifik untuk teks yang berlainan jenis. Guru perlu berupaya menggunakan strategi membaca dengan menjadikan dirinya sebagai model pembaca yang baik. Guru sebagai fasilitator dan pembimbing perlu bijak menggunakan teknik untuk memberi pendedahan yang sewajarnya kepada murid-murid kesesuaian sesuatu strategi dengan teks yang dibaca. Strategi membuat inferens memerlukan guru menggunakan teknik 5W1H bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Guru harus bijak membina soalan kefahaman pelbagai aras bagi mengarahkan pemikiran murid-murid ke satu haluan yang lebih jauh daripada kandungan teks yang dibacanya. Soalan-soalan pada tahap yang berbeza ini dapat melatih murid-murid menggunakan domain kognitif dan afektif dalam kehidupan. Ini turut membantu memupuk minat murid suka membaca. Minat akan muncul sebagai motivasi untuk seseorang murid terus belajar membaca. Motivasi dapat mempertingkatkan pembelajaran bahasa murid. Dörnyei (1994)²⁴ menyatakan bahawa motivasi merujuk kepada percubaan dan keinginan individu untuk mempelajari bahasa tertentu dan bersikap positif terhadap pembelajarannya. Winke (2005)²⁵, Hu (2006)²⁶, Ruphina, Wei Ting dan Yi (2012)²⁷ bersetuju bahawa motivasi ialah faktor yang utama untuk membantu pembelajaran bahasa. Oleh itu, guru dicadangkan supaya memastikan murid-murid didedahkan dan dipupuk kemahiran membaca yang berteraskan strategi membaca. Murid-murid yang berjaya menguasai kemahiran membaca dapat terus maju. Mereka berupaya menggunakan perisian maklumat untuk membaca bahan bacaan atas talian. Kajian Arjunan Perumal (2017)²⁸ yang bertajuk Penggunaan Perisian Maklumat Baru Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Pelajar telah menunjukkan terdapat kemajuan yang signifikan dalam kemahiran membaca pelajar Tingkatan 2.

Implikasi penyelidikan ini terhadap murid-murid pula banyak bergantung kepada sejauh mana mereka didedahkan dengan strategi membaca yang berkesan. Apabila murid-murid membaca melalui aktiviti –aktiviti pentaksiran bilik darjah, iaitu simulasi, bercerita, kuiz, permainan dan projek kecil, pembelajaran bacaan menjadi lebih bermakna kepada mereka.

Kesimpulannya, pemahaman bacaan bukan hanya tertumpu kepada teks yang digunakan untuk bacaan ringan tetapi menyediakan peluang yang lebih baik kepada murid-murid tahap sederhana menggunakan strategi membuat inferens dengan lebih berkesan lagi. Dengan ini, tahap pemahaman bacaan murid-murid sederhana dapat dipertingkatkan apabila membaca teks naratif berbanding pendekatan konvensional.

Rujukan

1. Yahya, R. B. (2008). *Aplikasi komputer dalam pengajaran bahasa: Penguasaan guru dan kekangan dalam pelaksanaan*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/5968/1/08-yahya.pdf>
2. Yahya, O. (2008). *Proses & strategi membaca berkesan*. Serdang: Universiti Putra Malaya.
3. Carroll, B. J. (2000). Perspectives from psychology and linguistics: The analysis of reading instruction. *Scientific Studies of Reading*, 4(1), 3-17.
4. Dymock, S. (2005). Teaching expository text structure awareness. *The Reading Teacher*, 59(2), 177-181.
5. Hamman D, B. J. (2000). Teachers' coaching of learning and its relation to students' strategies learning. *Journal of Educational Psychology*, 92, 342-348.
6. Van den Broek, P. & Kremer, K (2000). "The mind in action: what it means to comprehend during reading." In B. M. Taylor, M. Graves, & P. van den Broek (Eds.). *Reading for*

- Meaning: Fostering comprehension in the middle grades.* International Reading Association: Newark, Delaware, 1-31.
7. Aghaie, R., & Zhang, L. J (2012). Effect of explicit instruction in cognitive and metacognitive reading strategies on Iranian EFL students reading performance and strategy transfer. *Instructional Science*, 40(6), 1063-1081. doi:10.1007/211251-011-9202-5
 8. Schellings G, A. C. (2006). Third-graders' think-aloud protocol: Types of reading activities in reading an expository text. *Learning and Instruction*, 16, 549-568.
 9. Long, D. L., Oppy, B. J., & Seely, M. R. (1994). Individual differences in the time course inferential processing. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition*, 20, 1456-1470.
 10. Idris Mohd Radzi. (2009) Penggunaan strategi membaca teks akademik dalam kalangan pelajar peringkat tertiar. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 11. Pressley, M., Johnson, C.J., Symons, S., McGoldrick, J. A., & Kurita, J. A. (1989). Strategies tht improve children's memory and comprehension of text. *The Elementary School Journal*, 90.1, 3-32.
 12. Gagne, R. M. (1985). *The conditions of learning* (3 ed.). New York: Holy, Rinehart and Winston.
 13. Torgesen, J. K. (1982). The learning disable child as an inactive learner: Educational implications. *Topics in Learning & Learning Disabilities*, 2(1), 45-52.
 14. Graesser, A. C. (2007). An introduction to reading comprehension. In D. S. McNamara (ed.). *Reading comprehension strategies: Theory, interventions, and technologies* (pp. 3-26). Mahwah, NJ: Erlbaum.
 15. Alexander, P. A., Murphy, P. K., Woods, B. S., Duhon, K. E., & Parker, D. (1997). College in struction and concomitant changes in students' knowledge, interest, and strategy use: A study of domain learning. *Contemporary Educational Psychology* , 22, 125-146.
 16. Parris, S. R. (2009). Instructional Approaches That Significantly Increase Reading Comprehension. *Journal of Educational Psychology*, 101(2), 281262
 17. Spiro, R. J. Remembering information from text: Theoretical and empirical issues concerning the 'State of Schema' reconstruction hypothesis. In R. C. Anderson, R. J. Spiro, & W. E. Montague (Eds.), *Schooling and the acquisition of knowledge*. Hillsdale, NJ; Erlbaum, 1977, in press.
 18. Paris, S. G. (1987). Introduction to current issues in reading comprehension. *Educational Psychologist*, 2(3&4), 209-212.
 19. Pengajaran, U. P. (2010). *Buku Panduan Strategi Membaca*. Taipei: Kementerian Pendidikan Taiwan.
 20. Mahzan, A. (2003). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu satu pendekatan bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
 21. Taraban R., K. Ryneerson dan M. S. Kerr. (2000a). Matacognition and freshman academic performance. *Journal of Development Education*, 24(1), 12-18.
 22. Taraban R K, R. d. (2000b). College students' academic performance and self-reports of comprehension strategy use. *Reading Psychology*, 21, 283-308.
 23. Safiah Osman. (1990). *Peningkatan kemahiran membaca* . Kuala Lumpur: Berita Peblishing Sdn. Bhd.
 24. Dörnyei, Z. (1994). Motivation and motivating in th foreign language classroom. *Modern Language Journal*, 78, 273-284.
 25. Winke, P. M. (2005). Promoting motivation in the foreign language classroom. *Clear News*, 9, 1-5.

26. Hu, G. Z. (2006). *You-xi shi-zi Literacy through games*. Retrieved from <http://www.vastman.com/Article/jiaoxue/shizi/10117.html>.
27. Ruphina A, Wei, T., & YI, L. (2012). Serious game motivation in an EFL classroom in Chinese primary school. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11(1)
28. Arjunan, P. (2017). Usage of the new maker software in improving students' reading skill [செய்தி தயாரிப்புச் செயலி வழி மாணவர்களின் வாசிப்புத் திறனை]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(2), 47-59. Retrieved from <https://mjsshonline.com/index.php/journal/article/view/10>